

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' KETUA PENGARAH KERJA RAYA
SEMPENA
MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH KERJA RAYA
BERSAMA
WARGA JABATAN KERJA RAYA
10 FEBRUARI 2021 (RABU)
8.30 PAGI
MENARA KERJA RAYA**

Yang Berbahagia Datuk Ir. Razdwan bin Kasim

Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar yang juga menjalankan tugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bangunan

Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra

Pengarah-Pengarah Kanan

Pengarah – Pengarah Cawangan

Pengarah – Pengarah Negeri

Dan

Warga Jabatan Kerja Raya yang saya kasihi sekalian.

Bismillahhirahmanirrahim.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Segala puji-pujian kepada Allah Taala, selawat dan salam kepada junjungan besar kita, Nabi Muhammad Salallahualaihi Wassalam. Alhamdulillah dan syukur atas segala nikmat, kurnia dan izinNya jua, kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama di Majlis Perhimpunan Warga JKR Bersama Ketua Pengarah Kerja Raya sesi 1/2021 walaupun dilaksanakan secara maya. Masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2021 kepada seluruh warga kerja JKR.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala usaha, sumbangan dan komitmen semua lapisan warga kerja JKR dalam menjalankan tugas sepanjang tahun 2020. Tahun 2020 merupakan tahun sukar bagi kita semua kerana berdepan dengan pandemik Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia. Ekoran penularan wabak tersebut, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dilaksanakan secara berfasa. Justeru, kita terpaksa bekerja dalam kekangan waktu yang terhad dan pada masa yang sama perlu mengamalkan pembudayaan norma baharu dalam rutin harian.

3. Melangkah tahun 2021, kita masih dalam perjuangan untuk melawan pandemik Covid-19 yang semakin meningkat bilangan kes saban hari. Sebagaimana yang tuan-puan sedia maklum, hampir seluruh negara telah berada dalam tempoh PKP dan PKPB. Ini pastinya memberi kesan kepada perancangan projek yang telah dibuat. Namun demikian, ini bukanlah halangan bahkan satu cabaran besar kepada kita selaku pelaksana projek untuk menjayakan projek dalam norma baharu bagi tahun 2021 ini. Saya percaya, dengan komitmen jitu dan tekad untuk terus mengekalkan kecemerlangan kita akan berjaya mengharunginya bersama-sama. Insya Allah.

4. Negara kita juga dilanda musibah banjir di beberapa negeri iaitu Pahang, Kelantan, Johor, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak di awal tahun 2021. Justeru, bagi meringankan kesusahan mangsa banjir di Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor, JKR Malaysia telah menganjurkan Misi Banjir, JKR Prihatin baru-baru ini. Semoga sumbangan yang diberikan oleh warga kerja JKR dan orang awam dapat membantu serba sedikit keperluan harian mangsa-mangsa banjir. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga kerja JKR dan penyumbang untuk misi ini.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENGIKTIRAFAN DAN KEJAYAAN JABATAN

5. Walaupun tahun 2020 negara kita berdepan dengan pandemik Covid-19, namun kita berjaya melakar beberapa kejayaan dan memperoleh pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara.

6. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya semasa menyampaikan amanat beliau baru-baru ini, turut menyatakan dalam melangkah era Industrial Revolution (IR 4.0), industri pembinaan perlu bergerak seiring dengan trend tersebut. JKR telah pun mengambil inisiatif memperkasakan inovasi dan teknologi terkini selaras dengan hasrat YB Menteri Kanan Kerja Raya.

7. Antara kejayaan yang telah dilakar pada tahun 2020 adalah Anugerah Khas (*Associaton of British Inventors and Innovators*) MTE2020 untuk produk *Smart Traffic Analytic & Recognition System* dan *Top 10 Best Invention Award iCAN2020* untuk produk *Flexible Joint for Rainwater Down Pipe*.

8. JKR juga telah melaksanakan pemasangan *Speed Sign Radar* di Daerah Klang dan Petaling, Selangor. Ia merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan menerusi kerjasama strategik antara pihak JKR, UiTM dan Vectolabs Sdn.Bhd. Komponen teknologi baru diterapkan di dalam sistem ini iaitu melibatkan teknologi *Internet of Things (IoT)*, *Big Data*

dan *Radar*. Inisiatif ini adalah selari dengan hala tuju JKR dalam memperkasakan teknologi terkini dalam pelaksanaan projek sebagaimana yang ditetapkan dalam Tema 5: Organisasi Inovatif, Pelan Strategik JKR.

9. Bersempena dengan pertandingan *International Creative and Innovative Product Exhibition (I-CRIPE 2020)*, JKR berjaya meraih *Gold – Medal Award* bagi *Product Category (Civil Engineering)* yang turut merangkul *Best in Category (Civil Engineering)* bagi ciptaan inovasi iaitu *Intelligent Counter Traffic Flow (I-COTF)*.

10. Selain itu, sebahagian daripada 36 bilangan produk inovasi JKR yang telah didaftarkan sebagai paten telah memasuki fasa pengkomersialan. 2 daripada 36 bilangan produk inovasi telah berjaya dikomersialkan iaitu alat reflektor pembahagi jalan dan longkang bertanggam.

11. JKR turut menyumbang idea inovasi dalam membantu memerangi COVID-19. Antara produk yang telah dihasilkan oleh JKR adalah *intubation box*, *inhaler spacer*, dan *hand sanitizer stand*. Produk-produk ini telah pun diagihkan ke beberapa hospital di Melaka, Kelantan dan Selangor. JKR akan terus menghasilkan produk inovasi ini dari semasa ke semasa untuk diagihkan ke hospital-hospital yang memerlukan.

12. Sambutan HPTN bagi tahun 2020 telah melabuhkan tirainya pada 30hb Disember 2020. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Disember 2020 secara maya manakala Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YB Menteri Kanan Kerja Raya. Alhamdulillah, segala aktiviti dan acara yang telah disusun dan dirancang berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia. Penganjuran kali ini hasil kolaborasi bersama 51 rakan strategik dan suka saya berkongsi di sini jumlah capaian keseluruhan bagi program /aktiviti sempena HPTN 2020 adalah sebanyak 1.05 juta tontonan.

13. Alhamdulillah, ini merupakan satu kejayaan besar bagi seluruh warga kerja JKR kerana kita adalah Jawatankuasa Penggerak HPTN 2020. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang penuh semangat dan dedikasi serta memberikan sepenuh komitmen dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan demi memastikan sambutan pada kali ini direalisasikan dengan cemerlang.

14. Itu antara siri kejayaan yang digapai oleh JKR pada tahun 2020. Untuk tahun 2021, saya berharap banyak lagi kejayaan-kejayaan yang mengiringi kita, walaupun cabaran besar pasti menanti di hadapan. Penting untuk kita bergerak sebagai satu pasukan ibarat 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing', 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'.

DELIGHTING CUSTOMER

15. Seperti kita maklumi, mengikut AP 182, JKR diberi kepercayaan untuk melaksanakan projek-projek kerajaan dan untuk itu, kita seharusnya berasa bangga kerana ia dilihat satu bentuk peingiktirafan kepada jabatan. Oleh itu, suka juga saya mengingatkan kepada warga kerja JKR dan juga diri sendiri supaya menerapkan perasaan '*sense of belonging*' kepada jabatan kita. Apabila timbulnya rasa 'kepunyaan' terhadap organisasi sendiri, pastinya lahir perasaan ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menggalas tanggungjawab dan sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada *stakeholder*.

16. Dengan hasil kerja yang berkualiti, pastinya pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta membina kepercayaan terhadap kepakaran yang kita miliki. Apabila telah wujud kepercayaan, maka, secara tidak langsung, ia memperkukuhkan keyakinan pelanggan dan masyarakat kepada Jabatan.

Hadirin sekalian,

PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11) SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

17. Jika diimbis kembali sepanjang RMK-11, JKR telah menerima peruntukan daripada kementerian pelanggan sebanyak RM27.479 bilion bagi melaksanakan 1,642 projek dalam RMK-11. Status 1,642 projek fizikal yang dilaksanakan dalam RMKe-11 sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- i. 79 projek (5%) masih dalam perancangan;
- ii. 172 projek (10%) dalam peringkat rekabentuk;
- iii. 158 projek (10%) dalam peringkat perolehan;
- iv. 467 projek (28%) sedang dalam pembinaan; dan
- v. 766 projek (47%) telah siap.

18. Bagi tahun 2020, JKR telah menerima peruntukan sebanyak RM 5.16 bilion daripada kementerian pelanggan iaitu sebanyak RM 4.857 bilion peruntukan pembangunan dan sebanyak RM 303juta daripada sumber peruntukan bukan pembangunan seperti Private Financing Initiative (PFI), Akaun Amanah dan badan-badan berkanun.

19. Daripada jumlah RM 5.16 bilion yang diperuntukkan dalam tahun 2020, JKR telah membelanjakan sebanyak RM 5.041 bilion iaitu 97.69%.

20. Dalam tempoh berkenaan juga, JKR telah menyiapkan dan menyerahkan 111 projek iaitu 85% daripada 131 projek yang sepatutnya diserahkan pada tahun 2020. Kekangan utama adalah arahan-arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh wabak Covid-19.

21. Semua pegawai penguasa dan pengarah projek perlu memastikan tiada kluster baharu yang timbul dari tapak bina projek. Sama-samalah kita berusaha lebih keras untuk meningkatkan pencapaian JKR dalam menyiapkan projek pembangunan yang diamanahkan kepada JKR di samping mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

RANCANGAN MALAYSIA KE 12 (RMK-12)

22. Bagi meneruskan kelangsungan momentum pembangunan negara, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang telah bermula pada tahun ini sehingga tahun 2025. Bagi RMK-12, JKR telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek kerajaan.

23. Sehingga kini, JKR Malaysia telah menerima sebanyak 655 bilangan projek yang bernilai keseluruhan RM21.616 bilion untuk dilaksanakan. Untuk pecahan peruntukan bagi tahun 2021 iaitu Peruntukan Mengurus sebanyak RM1.2 bilion manakala Peruntukan Pembangunan adalah sebanyak RM6.088 bilion. Sesungguhnya, ini adalah cabaran besar buat seluruh warga JKR bagi memastikan projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

24. Sedikit perkongsian buat warga JKR, pada awal Disember tahun lalu, saya telah menghadiri Mesyuarat Pelan Perancangan Pelaksanaan Projek Pembangunan Bagi Tahun 2021, yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara bagi mengenalpasti kaedah agar projek-projek baharu dapat dilaksanakan dengan segera dengan pada tahun ini.

25. Salah satu langkah yang telah dikenalpasti untuk mempercepatkan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (DE) adalah dengan memastikan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan selewat-lewatnya pada 31 Ogos. Ini bermakna seluruh warga JKR perlu berganding bahu bagi memastikan tarikh tersebut mencapai sasaran, seterusnya membantu Negara dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

26. Sehubungan itu, perancangan dan pelaksanaan projek-projek JKR perlulah dirancang sejajar hasrat tersebut. Ini kerana Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU) dan Kementerian Kewangan akan memantau rapi prestasi perbelanjaan setiap Kementerian agar peruntukan tersebut dibelanja sepertimana yang direncanakan.

27. Saya juga akan memantau rapi setiap peruntukan yang telah disalurkan kepada JKR supaya peruntukan tersebut dibelanjakan dengan kadar segera bagi memastikan semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan pada tahun ini juga. Sekiranya tuan-tuan, puan-puan mempunyai sebarang idea, pandangan atau cadangan penambahbaikan berkaitan pelaksanaan projek amatlah dialu-alukan.

PENGURUSAN KEWANGAN

28. Untuk makluman semua disini, bagi tahun 2020, prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus keseluruhan JKR adalah sebanyak RM1.582 bilion Peruntukan diterima dan telah dibelanjakan sebanyak RM 1.572 bilion, bersamaan 99.36%.

29. Untuk perbelanjaan peruntukan Pembangunan keseluruhan pula adalah sebanyak RM 4.857 bilion manakala perbelanjaan adalah sebanyak RM4.821 bilion bersamaan 99.24%.

30. Justeru, dalam usaha merancakkan semula ekonomi pasca-COVID, pihak JPA telah menetapkan Perbelanjaan Pembangunan dan Mengurus sebagai satu KPI baharu, dan perlu mencapai 99.9%. Alhamdulillah, walaupun sedikit tersasar daripada sasaran, JKR telah berjaya mencapai peratus Perbelanjaan Pembangunan sebanyak 99.24% dan Perbelanjaan Mengurus sebanyak 99.36%.

Hadirin sekalian,

TENDER SECARA *ONLINE*

31. Bagi menyokong usaha Kerajaan dalam usaha menggerakkan semula ekonomi yang terjejas akibat pandemik Covid-19, Jabatan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan tender secara atas talian bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam tidak terjejas. Ini kerana selagi vaksin Covid-19 masih belum tersedia secara komersial, impak pandemik Covid-19 tetap menjadi ancaman kepada pembangunan dan pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

32. Justeru, JKR Malaysia melalui Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan telah menyediakan prosedur operasi piawai (*Standard Operating Procedure-SOP*) berhubung dengan tatacara perolehan tender kerja secara atas talian yang merangkumi proses penyediaan dokumen tender, iklan, penjualan dan pengedaran dokumen tender serta penutupan tender di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan proses perolehan Kerajaan dapat diteruskan dengan amalan norma baharu.

33. Melalui inisiatif ini, penjualan dan pengedaran dokumen tender akan dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Petender yang layak boleh memuat turun dokumen tender melalui pautan di platform *JCloud* yang telah dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat. Petender dibenarkan untuk mengemukakan dokumen tender secara serahan tangan atau menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran (kurier) dengan mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan.

34. SOP tatacara perolehan tender kerja secara atas talian akan ditambah baik secara berperingkat agar penutupan tender juga dapat dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. JKR mendukung harapan tinggi Kerajaan dan rakyat yang mahu langkah memulihkan ekonomi negara dilaksanakan segera bagi mengelakkan kesan lebih buruk kepada ekonomi dan kesejahteraan negara yang terjejas akibat pandemik ini.

PELAN STRATEGIK JABATAN KERJA RAYA 2021-2025

35. Pelan Strategik JKR 2021-2025 memperincikan perancangan strategik JKR bagi tempoh lima (5) tahun merangkumi hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan yang menyeluruh serta komprehensif ke arah meningkatkan kualiti, profesionalisme, memacu produktiviti, memupuk amalan lestari serta menghasilkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Oleh itu, saya mengharapkan warga kerja JKR dapat menghayati dan memahami hala tuju Strategik JKR yang telah digariskan agar dapat meneruskan kecemerlangan Jabatan.

36. Salah satu Tema Strategik yang digariskan dalam Pelan Strategik JKR 2021-2025 telah diolah semula bagi memberi hala tuju baru JKR dalam Pengurusan Aset Menyeluruh. Tema satu (1) yang selama ini memberi tumpuan kepada Kecemerlangan Penyampaian Projek telah digantikan dengan Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh.

37. Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh JKR hendaklah bergerak seiring dengan peranan JKR sebagai Setiausaha dan Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan. JKR adalah diharapkan menjadi pemacu dalam usaha kerajaan bagi memastikan aset- aset kerajaan sentiasa berada dalam keadaan baik, memenuhi fungsi penyampaian dan memberi nilai tambah kepada setiap sen yang telah dibelanjakan bagi mewujudkan aset tersebut.

38. Melalui Pengurusan Aset Menyeluruh, aset- aset ini dapat diuruskan dengan lebih holistik dan berstruktur. Aset- aset akan diuruskan melalui beberapa fasa di dalam seluruh kitaran hayat aset oleh profesional yang kompeten dan berkelayakan, di mana secara tidak langsung dapat memastikan aset ini berfungsi dalam keadaan yang baik dan sempurna. Ini sekaligus dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan pelabur kepada sistem penyampaian kerajaan.

39. Untuk perkongsian jua, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah melancarkan Pelan Strategik Organisasi KKR tahun 2021-2025 dengan menyasarkan perancangan operasi dan penyenggaraan aset dalam tempoh lima (5) tahun melalui Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi) serta memperkenalkan pelan tindakan baharu iaitu Ke Arah Penyenggaraan 'Potholes' Lebih Cekap.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN 2020

40. Alhamdulillah, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga JKR kerana berkat kerjasama serta kerja berpasukan, kita berjaya mencapai sasaran KPI 2020 sepertimana yang dirancang pada setiap awal tahun.

41. Bagi tahun 2020, kita telah berjaya mencatatkan pencapaian ke atas beberapa pengukuran KPI yang telah ditetapkan. Kita boleh berbangga dengan pencapaian tersebut dan sewajarnya perlu mengekalkan kejayaan yang telah dicapai. Namun begitu, masih ada ruang penambahbaikan yang boleh kita perkemaskan untuk tahun ini agar keberhasilan penyampaian yang lebih cemerlang dapat kita diberikan kelak. Sebanyak lima (5) KPI telah berjaya dicapai iaitu:

- i. 98.26% projek telah berjaya diserahkan kepada pelanggan mengikut tempoh masa yang dipersetujui;
- ii. 39.05% projek disediakan secara 2 in 1 iaitu Dokumen Kontrak bersekali SST berjaya disediakan;
- iii. Alhamdulillah kita juga berjaya mencapai 100% projek kos akhir tidak melebihi kos asal yang diluluskan;
- iv. Sebanyak 4 projek yang Bernilai RM50 Juta ke atas dan dilaksanakan secara BIM bagi RMK 11 (RP4-2020); dan
- v. Bagi projek-projek yang dilaksanakan secara IBS, sebanyak 81.25% projek tersebut menggunakan komponen buatan kilang.

Syabas dan tahniah saya zahirkan kepada semua warga kerja atas kejayaan mencapai KPI yang disasarkan. Sumbangan anda semua kepada Jabatan amat saya hargai. Terima kasih.

42. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga kerja JKR atas pencapaian tahun 2020. Diharapkan kejayaan ini menjadi penyuntik semangat untuk kita teruskan kejayaan pada tahun 2021.

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN 2021

43. Pada tahun 2021 sebanyak tujuh (7) KPI telah ditetapkan dalam pengukuran prestasi Jabatan. KPI JKR yang perlu dicapai pada tahun ini adalah:

- i. 35% daripada jumlah keseluruhan projek JKR hendaklah diserahkan pada tarikh sepertimana yang ditetapkan di dalam Q-Plan Asal.
- ii. 90% daripada jumlah projek JKR yang Penyata Akaun Muktamad (*SOFA*) tidak melebihi Kos Siling Projek yang diluluskan.
- iii. 50% daripada projek bernilai RM10 juta dan ke atas dilaksanakan secara *Building Information Modelling* (BIM).
- iv. Bagi adaptasi IBS dalam pembinaan, 90% daripada projek bernilai RM10 juta ke atas hendaklah menggunakan komponen buatan kilang dan dipasang di tapak.
- v. 30% daripada jumlah projek JKR hendaklah menyediakan SST bersekali dengan dokumen kontrak iaitu dengan kaedah 2 dalam 1.
- vi. Semua (100%) projek kerajaan yang bernilai melebihi RM10 juta yang dinilai oleh CIDB melepasi Nilai Ambang (*Threshold Value*) QLASSIC 50%.
- vii. 30% daripada jumlah Projek (bangunan) menggunakan *reka bentuk Pre-Approved Plans* (PAP).

44. Besar harapan saya agar kita sama-sama dapat berganding bahu dan berusaha untuk mencapai sasaran dan kalau boleh melebihi dari sasaran KPI yang telah direncanakan bagi tahun 2021 ini.

PENGURUSAN ADUAN

45. Bagi pengurusan aduan pula, JKR telah menerima sebanyak 6,095 bilangan aduan untuk tahun 2020. Daripada jumlah ini, 4,453 aduan adalah di bawah tanggungjawab JKR manakala baki aduan berjumlah 1,642 bilangan telah dikenalpasti sebagai aduan bukan di bawah tanggungjawab JKR dan telah dimajukan kepada agensi yang berkaitan mengikut prinsip *No Wrong Door Policy* (NWD). Ingin saya tegaskan supaya setiap aduan yang diterima perlu diselesaikan dengan kadar segera agar persepsi masyarakat luar yang menganggap JKR tidak serius dalam menyelesaikan aduan mereka perlu dikikis.

46. Setiap aduan perlu diperaku terima dalam tempoh 1 hari bekerja dan maklum balas awalan dalam tempoh 7 hari bekerja sepertimana dalam Piagam Pelanggan. Tetapi harus diingatkan setiap aduan perlu ditutup dalam tempoh 30 hari., Program Pelancaran semula Aku Janji Zero Potholes telah diadakan pada Julai 2020 di mana kerja-kerja penampalan jalan berlubang harus dilaksanakan dalam tempoh 24 jam (secara sementara) manakala pembaikan kekal dalam tempoh 3 hari sebagaimana termaktub dalam Piagam Pelanggan JKR. Maka, kita seharusnya menyahut dan memandang serius amanat YB Menteri Kanan Kerja Raya mengenai perkara ini. Sebagai contoh, pembaikan kekal jalan berlubang boleh diselesaikan dalam tempoh 3 hari, alangkah baiknya kalau kita boleh selesaikan lebih awal dari itu.

Hadirin sekalian,

HARAPAN

47. Seiring dengan *trend* masa kini yang memperlihatkan penggunaan media sosial sebagai saluran pilihan terutamanya golongan muda dalam mengekspresikan pandangan, idea dan kritikan, saya menyeru kepada semua warga kerja JKR di pelbagai peringkat untuk proaktif membuat hebahan dan publisiti akan segala kerja-kerja atau aktiviti yang dilaksanakan di *facebook* dan *twitter*. Secara tidak langsung, dengan cara ini kita dapat memberitahu dan menguar-uarkan akan peranan dan kepentingan JKR sebagai salah satu

agensi teknikal negara. Selain itu, melalui medium maya ini, warga jabatan dapat mengambil peluang menjelaskan isu-isu yang timbul di laman sosial dalam skop kerja masing-masing.

48. Untuk menjadikan JKR terus kekal sebagai peneraju agensi Teknikal negara, serta menjadi pakar rujuk dalam pembangunan infrastruktur negara, kemahiran dalam aspek *Leadership in Project Management* perlu diterap dan diaplikasikan oleh seluruh warga JKR. Pegawai-pegawai kanan JKR terutamanya perlu *take a lead to be a problem solver* di peringkat cawangan dan bahagian masing-masing. Seharusnya JKR perlu menjadi contoh yang baik dalam pelaksanaan projek dan tuan-puan adalah duta kepada JKR dalam memberi teladan kepada pemain-pemain industri pembinaan di negara ini.

49. Umum mengetahui Jabatan Kerja Raya merupakan jabatan teknikal utama negara dan pastinya segala tindak tanduk dan mutu kerja JKR di perhati dan dinilai oleh masyarakat. Justeru, besar harapan saya agar seluruh warga kerja JKR memberikan sepenuh komitmen akan tugas yang diamanahkan. Saya tahu industri teknikal dan pembinaan ini banyak cabarannya, maka kita perlu membulatkan tekad dan berusaha menterjemahkan misi dan visi JKR agar tercapai serta menjadi *“The Preferred Technical Agency”* di Malaysia. Warga JKR juga perlu bergerak sebagai satu pasukan dan saling berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman yang ada dalam memartabatkan nama JKR di tanah air, mahupun arena antarabangsa. Semangat dan nilai-nilai positif perlu dipahatkan di hati sanubari warga JKR supaya aspirasi yang dituju adalah selari dan berada di landasan yang sepatutnya.

50. Tahun 2020 sehingga 2022 merupakan tempoh transisi masa bagi Jabatan. Ini kerana ramai pegawai-pegawai kanan yang akan bakal bersara wajib dan pastinya, kita akan kehilangan pakar-pakar teknikal Jabatan. Kami di peringkat pengurusan sedar berlakunya *trend* ini. Justeru, pegawai-pegawai muda yang berpotensi juga perlu diberi peluang ditempatkan di jawatan strategik seperti Pengarah-pengarah negeri dan Unit Khas JKR sebagai *training ground* bagi mengasah kemahiran dan pengalaman. Tiba masanya untuk meneruskan legasi kepakaran berterusan.

51. Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi oleh JKR bagi tahun 2020 adalah hasil komitmen, usaha dan sumbangan daripada seluruh warga kerja JKR. Tahun 2021 kini menjengah dan untuk itu, kita harus bersedia untuk mengharunginya bersama-sama. Pasangkan niat untuk menjadi warga kerja yang terbaik supaya kita dapat menghasilkan output yang terbaik dan cemerlang, keberadaan JKR dirasai di seluruh pelosok negara serta kekal relevan.

52. Untuk tahun baru 2021, saya menyeru kepada seluruh warga kerja JKR untuk terus teguh berdiri menggapai azam, membetulkan niat dan mempertahankan jabatan dari segala tohmahan dan kejian di luar sana. Bahkan sama-sama kita jadikan ia sebagai motivasi untuk kita terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan telus.

53. Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga untuk seluruh warga JKR di atas khidmat bakti yang dicurahkan untuk jabatan yang tercinta ini. Semoga dengan izin Allah SWT, tahun 2021 bakal melakar kejayaan yang lebih cemerlang dan menggapai aspirasi yang diimpikan. Marilah bersama kita membantu Kerajaan dalam mengekang penularan wabak Covid-19 dan mematuhi SOP yang digariskan.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.